

# Najib setuju KWAP beri pinjaman RM3.95b

**Kuala Lumpur:** Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) meluluskan pinjaman berjumlah RM2 bilion daripada RM3.95 bilion dipohon oleh SRC International pada 2011 atas persetujuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan selepas mendapat jaminan kerajaan.

Mahkamah Tinggi semalam diberitahu permohonan itu juga diluluskan walaupun tidak mendapat semua dokumen tambahan mengenai 1MDB yang diperlukan untuk pertimbangan KWAP. Pinjaman itu untuk tujuan modal pusingan dan pelaburan am tanpa had SRC.

Persetujuan Najib atas kapasiti sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu dizahirkan melalui catatan tulisan tangan pada surat disediakan SRC International dan dialamatkan kepada Najib yang ditandatangani pengarah syarikat itu, Nik Faisal Ariff Kamil bertarikh 3 Jun 2011.

Bekas Penolong Naib Presiden KWAP Bahagian Pendapa-

tan Tetap, Amirul Imran Ahmad, berkata salinan surat permohonan SRC itu diterima daripada ketuanya, Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap, Ahmad Norhisham Hassan (Mahyarham).

Saksi ke-29 pendakwaan yang membacakan pernyataan saksi itu berkata, ada catatan tulisan tangan dan tandatangan Najib bertarikh 5 Jun 2011 di atas surat itu yang ditujukan kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWAP dengan menyatakan bersetuju dengan cadangan permohonan pinjaman berkenaan.

## **Berikan pinjaman**

“Mengikut pemahaman saya, catatan ‘Bersetuju dengan cadangan ini’ bermaksud Perdana Menteri bersetuju untuk KWAP memberikan pinjaman kepada SRC.

“Saya boleh cam tulisan dan tandatangan Datuk Seri (Najib) kerana saya biasa melihatnya sepanjang bertugas di KWAP dan saya yakin ia tulisan dan tandatangan beliau,” katanya.

Amirul Imran berkata, beliau kemudian menghantar e-mel kepada pembantu Nik Faisal, Noor Azlina Abu Bakar pada 16 Jun 2011 mendapatkan dokumen seperti Akaun Teraudit 1MDB Bagi Tahun Kewangan sejak ditubuhkan, Akaun Pengurusan Terkini dan Profil Syarikat.

“Pada 30 Jun 2011, saya menghantar e-mel kepada Nik Faisal bagi mendapatkan dokumen tambahan butiran komprehensif pelaburan sedia ada 1MDB.

“Bagaimanapun, Nik Faisal dalam e-mel balas menyatakan 1MDB tidak dapat memberikan dokumen diminta kerana projek hartanah di peringkat perancangan utama,” katanya.

Amirul Imran berkata, selepas mendapat maklum balas itu, beliau diarahkan Ahmad Norhisham untuk menyediakannya kertas cadangan bagi kelulusan Panel Pelaburan untuk pertimbangan pinjaman berjumlah RM1 bilion sahaja.

“Berdasarkan Profil dan Pernyataan Kewangan 1MDB, saya se-

diakan Kertas Panel Pelaburan bagi permohonan pinjaman itu walaupun banyak lagi dokumen diperlukan. Tetapi dalam hal ini tiada dokumen diterima KWAP.

“Pada 14 Julai 2011, saya diberitahu ahli panel memutuskan menunda keputusan sehingga mendapatkan maklumat lanjut daripada SRC.

“Pada 19 Julai 2011, arwah Norhisham membentangkan kertas panel kepada Panel Pelaburan Khas untuk pertimbangan pinjaman RM2 bilion (pertimbangan baharu) tetapi saya tidak hadir. Saya kemudian diberitahu arwah, pinjaman RM2 bilion diluluskan dengan syarat ia dijamin kerajaan atau pinjaman diberikan kepada kerajaan sebagai peminjam yang kemudian memberikan kepada 1MDB.

“Pada 12 Ogos 2011, SRC menghantar surat kepada CEO KWAP, Datuk Azian Mohd Noh memohon supaya pinjaman RM2 bilion itu diserahkan terus kepada SRC kerana ia anak syarikat milik penuh 1MDB,” katanya.